

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN
ABDUL AZIZ [RAUB]**

**TARIKH JAWAPAN : 9 APRIL 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

:-

- (a) mengapa penebangan kawasan hutan sekitar Hutan Lipur Lentang di Pahang sangat luas memandangkan ianya hanya pembinaan laluan '*high voltage pylons*' oleh TNB dari Bentong ke Lenggeng ; dan
- (b) boleh Kementerian terangkan mengapa projek ini tidak ada disediakan EIA Report.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi mempertingkatkan sistem penghantaran bekalan elektrik supaya lebih berdaya harap, cekap dan berkualiti, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan 2 buah projek infrastruktur iaitu talian penghantaran 500kV dari Bentong South ke Lenggeng dan juga talian 275kV dari Bentong South ke Ampang East yang melalui kawasan Hutan Lipur Lentang, Pahang. Apabila projek ini siap pada tahun 2017, rangkaian talian penghantaran ini akan menjadi sebahagian daripada Sistem Grid Nasional.

2. Adalah menjadi kelaziman dalam perancangan projek sedemikian dan demi memastikan keselamatan pemasangan TNB yang melalui kawasan hutan, kawasan rentis selebar 95 meter diperlukan bagi kedua-dua talian tersebut.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Secara dasarnya, Laporan Penilaian Alam Sekitar atau *Environmental Impact Assesment* (EIA), dengan izin tidak diperlukan bagi projek talian penghantaran. Namun demikian, demi menyokong inisiatif hijau serta pemuliharaan alam sekitar agar ia seimbang dengan keperluan pembangunan negara, pihak TNB sentiasa berhubung rapat dengan Jabatan Alam Sekitar bagi mengambil langkah-langkah sepatutnya dalam menjaga kelestarian hutan dan alam sekitar. Kementerian juga akan memastikan pihak TNB menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perhutanan bagi penggunaan rizab hutan di kawasan terlibat.
